

...Ta merangkumi perjanjian bagi pelaksanaan projek dan jualan produk membabitkan kira-kira 1,300 syarikat tempatan yang menyertai pameran selama empat hari itu.

Ketua Eksekutif Matrade, Datuk Noharuddin Nordin, berkata jualan semerta yang diraih sepanjang pameran perdagangan antarabangsa itu ialah RM469.7 juta, manakala jualan dalam rundingan bernilai RM2.96 bilion.

"Sepanjang tempoh itu juga, jumlah pengunjung yang datang ke pa-

...adakan daripada 13 hingga November tahun depan disasar dapat menarik lebih banyak penyertaan syarikat asing.

Katanya, Matrade mensasarkan menarik penyertaan kira-kira 400 pempamer pada Intrade Malaysia 2008, yang mana 40 peratus daripadanya adalah syarikat antarabangsa.

Beliau berkata, sepanjang Intrade 2007 lalu, 61 syarikat antarabangsa atau kira-kira 16 peratus daripada 366 pempamer menyertai pameran ber-

INTRADE MALAYSIA 2007

RM469.7j
Jualan semerta

RM2.96b
Jualan dalam rundingan

...pameran berkenaan adalah gabungan antara negara sedang membangun dan negara maju, sekali gus mencerminkan potensi sebenar perdagangan Malaysia pada masa depan," katanya.

Beliau menjelaskan, sektor perkhidmatan pembinaan mencatatkan nilai janji niaga tertinggi pada Intrade 2007 dengan projek terbesar yang diraih adalah pembinaan loji jana kuasa di UAE.

"Antara sektor yang mencatatkan jumlah janji niaga tertinggi adalah makanan dan minuman, pembinaan,

...saran awal 50 orang.
"Daripada jumlah itu, kira-kira 30 peratus adalah peserta antarabangsa dan kami mendapat maklum balas daripada beberapa peserta yang berminat untuk menganjurkan forum serupa di negara mereka," katanya.

Beliau menjelaskan, Matrade kini sudah membuka pendaftaran bagi pempamer yang berminat menyertai Intrade 2008 dan syarikat yang mendaftar sehingga 31 Disember ini akan menikmati diskaun sebanyak 25 peratus.

...pencapaian 35 Bank dan Tantau Asia Pasifik pada majlis yang dianjurkan majalah kewangan terkemuka, *Asian Banking and Finance*.

Antara faktor yang menjurus kepada pemilihan CIMB Bank adalah kejayaan pelaksanaan penjenamaan semulanya, perubahan pengalamatan di cawangan, perbezaan khidmat pelanggan dan inisiatif pemasaran serta produk inovatif.

Mengulas mengenai pemilihan CIMB Bank itu, Ketua Eksekutifnya, Datuk Nazir Razak, berkata anugerah itu mencerminkan model perniagaan dan keputusan cemerlang yang dihasilkan bank itu dalam tempoh yang singkat.

"Kejayaan kami, terutama selepas penggabungan menjadi kenyataan dengan menggunakan kekuatan bank sebagai kumpulan perbankan global, sekali gus membezakan kami daripada pesaing lain," katanya.

Beliau berkata, anugerah itu membuktikan peningkatan yang ditunjukkan unit perbankan pelanggan Kumpulan CIMB itu menerusi inisiatif transformasi secara holistik yang dilaksanakannya.

"Antara transformasi yang diperkenalkan selepas penggabungan adalah menawarkan deposit berstruktur kepada pelanggan runcit, manakala CIMB Bank dan CIMB Islamic mengendalikan 383 cawangan dalam dua model perbankan menawarkan produk konvensional dan Islam," katanya.

CIMB Bank turut meraih Anugerah Kempen Pemasaran Langsung Terbaik bagi kempen insurans kenderaan bermotor yang dilancarkan tahun lalu bagi meningkatkan jualan dan asas pelanggan selepas penggabungannya dengan Southern Bank.

Kempen berkenaan yang hanya menggunakan strategi pemasaran langsung telah menyaksikan jumlah premium terkumpul yang dicatatkan adalah empat kali ganda berbanding sasaran awal.

Anugerah berkenaan diadili lima panel juri yang terdiri daripada kalangan tokoh penting dalam industri perbankan dan kewangan di seluruh dunia.

Ketua Perbankan Runcit CIMB Bank, Peter England menerima anugerah berkenaan dalam satu majlis yang diadakan di Singapura.

LAPORAN KOMODITI

TIMAH

HARGA timah di Pasaran Timah Kuala Lumpur (PTKL) mencecah paras terendah untuk tempoh enam minggu semalam apabila harganya turun AS\$550 untuk ditutup pada harga AS\$16,000 satu tan disebabkan pembetulan teknikal, kata peniaga.

Katanya, harga timah di Bursa Logam London (LME) yang biasanya mempengaruhi harga global, menyaksikan harga logam itu turun AS\$410 kepada AS\$16,000 satu tan.

Di pasaran tempatan, pembeli membida tiga tan berbanding penawaran 110 tan.

Perolehan merosot kepada 48 tan daripada 69 tan yang dicatatkan kelmarin, dengan penyertaan pedagang Jepun yang membeli 35 tan dan pedagang tempatan yang membeli 13 tan.

Perbezaan harga premium antara PTKL dan LME mengecil kepada AS\$345 daripada AS\$485 sebelum ini.

GETAH

PASARAN getah Malaysia ditutup kukuh semalam sejajar peningkatan niaga hadapan getah Tokyo, kata peniaga.

Katanya, peserta dalam pasaran fizikal kebanyakan masa sepanjang semalam tidak memasuki pasaran berikutan keadaan pasaran niaga hadapan yang tidak menentu.

Bagaimanapun, pasaran niaga hadapan mendapat momentum apabila dolar AS mengukuh berbanding yen pada Khamis.

Pada tengah hari, harga fizikal rasmi Lembaga Getah Malaysia bagi gred tayar SMR 20 naik 4.5 sen kepada 774.5 sen sekilogram daripada 770.0 sen semalam dan susu getah pukal meningkat dua sen kepada 537.5 sen sekilogram daripada 535.0 sen.

Harga penutup tidak rasmi bagi gred tayar SMR 20 juga naik lapan sen kepada 779.0 sen sekilogram daripada 771.0 sen dan susu getah pukal meningkat tiga sen kepada 539.0 sen sekilogram daripada 536.0 sen sebelumnya.

SAWIT

HARGA niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa

Top Glove raih anugerah Enterpris 50

Oleh Nor Liza Ahmad

TOP Glove Sdn Bhd dipilih penerima anugerah utama bagi Anugerah Enterpris 50 2007, program tahunan anjuran Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec).

Pengeluar sarung tangan getah terbesar dunia itu adalah antara 10 syarikat yang dipilih sebagai penerima anugerah berkenaan.

Sembilan syarikat lain ialah Mydin Mohamed Holdings Bhd, ABX Express (M) Sdn Bhd, Bintulu Edible Oils Sdn Bhd, United Logistics Sdn Bhd, Teras Teknologi Sdn Bhd, Gateway Option Sdn Bhd, TT Vision Technologies Sdn Bhd, Cape Technology Sdn Bhd dan KEU Control Engineering Sdn Bhd.

Anugerah itu disampaikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz pada majlis di Kuala Lumpur malam semalam.

Pengerusi Smidec, Datuk Mohamed Al Amin Abdul Majid pada sidang media semalam berkata, 10 syarikat itu dipilih menerusi proses penilaian dan pemarkahan yang ketat merangkumi kekuatan kewangan dan bukan kewangan.

"Antara lain ia mengambil kira strategi pertumbuhan syarikat, penggunaan teknologi terkini dalam perniagaan, tumpuan kepada pembangunan modal insan dan semangat keusahawanan," katanya.

Pemilihan dibuat oleh jawatankuasa yang dianggotai Smidec, Deloitte KassimChan, Telekom Malaysia Bhd



DAPAT PENGIKTIRAFAN: 10 wakil syarikat yang menerima Anugerah Enterpris 50 2007 bergambar kenang-kenangan selepas majlis penyampaian di Kuala Lumpur, semalam.

dan RHB Bank Bhd.

Business Times adalah akhbar rasmi Anugerah Enterprise 50.

Mohamed Al Amin berkata, 143 syarikat PKS menyertai Anugerah Enterprise 50 2007 dengan 62 peratus adalah dari Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Daripada jumlah itu, 81 syarikat adalah dari sektor pengeluaran, sembilan (peruncitan dan pemborongan), 11 (teknologi maklumat) dan

24 dalam lain-lain sektor.

Mohamed Al Amin berkata, berbanding tahun sebelum ini, syarikat yang menyertai Enterprise 50 2007 menunjukkan kemajuan dalam penggunaan teknologi bagi meningkatkan perniagaan mereka.

"Kualiti syarikat yang menyertai Enterprise 50 2007 sangat baik dan kami berpuas hati dengan pemilihan pemenang tahun ini," katanya.

Enterprise 50 yang dianjurkan

Synergy Drive komited laksana amalan pertumbuhan berkekalan

SYNERGY Drive Bhd, yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia pada 30 November ini komited terhadap amalan pertumbuhan berkekalan bagi keseluruhan operasi minyak sawitnya, kata Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Ahmad Zubir Murshid.

"Bahagian perladangan Synergy Drive membawa bersama pengalaman lebih 400 tahun. Kami akan meng-

wasan semula jadi, dalam dan sekitar kawasan perladangannya.

Sehingga kini, ia telah mengendalikan kajian kepelbagaian-bio terhadap 60,000 hektar kawasan ladangnya dan menentukan di mana dan bagaimana kawasan semula jadi ini boleh dipulihara dan dibaik pulih.

Selepas disenaraikan, Synergy Drive, entiti yang lahir daripada penggabungan kumpulan Sime Dar-

pu mewujudkan nilai lebih hebat kepada kesemua pemegang sahamnya.

"Skala ekonomi akan membolehkan Synergy Drive membangunkan kaedah penuaian dan pengeluaran yang baik, kemampuan menjejak dan keselamatan makanan," katanya.

Unit perladangan Synergy Drive beroperasi di keseluruhan rangkaian nilai, kedua-dua huluannya contohnya penvumberan dan hiliran senerti



Agilent buka pusat inovasi RM350 juta

AGILENT Technologies Microwave Products (Malaysia) Sdn Bhd, melabur RM350 juta bagi membangunkan pusat inovasi dan kemudahan makmal di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Presiden Agilent Malaysia & Si-